## Tahap Kesedaran Dan Pengetahuan Terhadap Amalan Wakaf Di Negeri Sabah

## **ABSTRACT**

Umat Islam di Sabah telah mengamalkan ibadah wakaf semenjak kedatangan Islam di kepulauan Borneo. Namun begitu, setelah sekian lama amalan wakaf bertapak di Sabah, pungutan wakaf masih tidak memuaskan. Atas dasar ini, kajian ini dijalankan dengan tujuan menguji tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap amalan wakaf di Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif-tinjaunan untuk mengutip data dan analisis deskriptif untuk mendapatkan keputusan kajian. Hasilnya, kertas kajian ini mendapati bahawa kadar kefahaman dan pengetahuan berkenaan wakaf di Sabah adalah pada tahap pertengahan. Banyak usaha yang perlu dilakukan oleh majis agama Islam negeri untuk memupuk kefahaman yang mantap dikalangan umat Islam. Kajian ini dapat menyumbang mengisi ruang kajian ilmiah berkenaan wakaf di negeri Sabah dan juga menjadi rujukan kepada pihak berwajib dalam mengenali lebih dekat pewakaf.